



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG MELALUI PROSES JAWATANKUASA  
KHAS PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN**

**PERATURAN 7 (a)**


**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENYELIA SIMPANAN DARAH (M.7-8 EB.9)  
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 25 SEPTEMBER 2024  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 09 OKTOBER 2024  
BILANGAN IKLAN: 2024/SEP/02/KKS**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENYELIA SIMPANAN DARAH  
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.7-8 EB.9(\$1,310 - \$2,315 EB KHAS \$2,385 - \$2,665 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Juruteknik Makmal atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji sekurang-kurangnya M.4 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji sekurang-kurangnya M.4 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam membantu melaksanakan tugas-tugas di Makmal Viral Serologi apabila diperlukan;
2. Bertugas '*on call*' atau panggilan kecemasan di luar waktu-waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan, menurut jadual yang ditetapkan oleh Bahagian makmal;
3. Bertanggungjawab dalam melaksanakan program kawalan kualiti;
4. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas Penyelia Simpanan Darah dan apa saja tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa;
5. Bertanggungjawab dalam memastikan bekalan darah mencukupi dan mengawasi keselamatan kawalan mutu kutipan yang dikendalikan;
6. Bertanggungjawab melakukan proses pengutipan darah daripada penderma;



7. Bertanggungjawab dalam menganjurkan kempen pendermaan darah;
8. Bertanggungjawab dalam mempromosikan pendermaan darah melalui jerayawara, taklimat, penyediaan risalah / poster, media massa seperti televisyen, radio dan sebagainya; dan
9. Bertanggungjawab untuk melatih dan menyelia kakitangan bawahan.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti  
berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA  
MANUSIA,  
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI  
BESAR,  
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Emel : [recruitment.ahp@moh.gov.bn](mailto:recruitment.ahp@moh.gov.bn)**

**No. Tel : 2383020**